

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-621
BIL. 3/2026 PADA 17 MAC 2026

1. PENCAPAIAN STATUS BANDAR MAMPAN 2025

MBSP telah menerima Pencapaian Status **Bandar Mampan** melalui program *Malaysia Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development* (MURNInets). Pencapaian tersebut telah disampaikan oleh YAB Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow kepada Datuk Bandar MBSP pada 20 Februari 2026. Dengan pencapaian ini, MBSP akan terus komited memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, mempertingkatkan kecekapan tadbir urus, serta memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat memberi manfaat nyata kepada kesejahteraan warga Seberang Perai.

2. DRAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030 (DRTSP 2030)

Peta Cadangan Guna Tanah Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2026 pada 29 Januari 2026 dan disahkan pada 20 Februari 2026 bagi tujuan pewartaan. Peta Cadangan ini dapat menjadi dokumen panduan utama yang menyelaraskan hala tuju pembangunan, memastikan penggunaan tanah dirancang secara

teratur, serta memperkukuh penyampaian kemudahan dan infrastruktur untuk kesejahteraan warga Seberang Perai.

3. PEMAKLUMAN PERUBAHAN JADUAL KUTIPAN SAMPAH BAGI KAWASAN SEBERANG PERAI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2026

Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2026, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat penambahan dan pindaan kepada jadual kutipan sampah seperti kebiasaan yang diamalkan pada setiap tahun. Jadual kutipan sampah sempena Hari Raya Aidilfitri 2026 adalah seperti berikut :

a) Sehari Sebelum Hari Raya

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah di seluruh Seberang Perai adalah seperti berikut :

- i. Kutipan sampah pusingan pertama akan dijalankan bermula pada pukul 7.00 pagi hingga 2.00 petang. **(Jadual A dan C)**
- ii. Manakala kutipan sampah pada pusingan kedua pula akan dijalankan bermula pada 3.00 petang hingga 10.00 malam. **(Jadual C sahaja)**

b) Hari Raya Pertama Aidilfitri

Hanya kutipan sampah **Jadual C** iaitu kutipan di tong komunal sampah sahaja akan dijalankan bermula jam 12.00 tengah hari.

c) Hari Raya Kedua Aidilfitri

Kutipan **Jadual C** dan pindaan **Jadual B** kepada Hari Ahad akan dijalankan bermula jam 7.00 pagi hingga selesai.

d) Hari Raya Ketiga Aidilfitri

Jadual kutipan sampah akan dijalankan seperti rutin harian mengikut **Jadual A & C** yang bermula pada 7.00 pagi hingga selesai.

Selain itu, bagi kawasan yang dijadualkan kutipan sampah kitar semula pada 21 Mac 2026 di Parlimen Bukit Mertajam, 22 Mac 2026 di Parlimen Nibong Tebal serta 23 Mac 2026 di Parlimen Kepala Batas dan Tasek Gelugor, jadual asal akan **dipinda dan kutipan sampah kitar semula bagi keempat-empat kawasan parlimen tersebut akan dijalankan serentak pada Hari Raya Keempat Aidilfitri.**

Justeru, sekali lagi MBSP ingin menyeru kepada semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaaan sampah dan tidak membazirkan makanan sepanjang musim perayaan ini.

4. SKIM STRATA YANG TIDAK AKTIF

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang menjalankan usaha proaktif untuk membantu skim-skim strata yang mempunyai badan pengurusan (JMB/MC) yang tidak aktif, tidak berfungsi, atau telah terubuh.

Pengurusan (JMB/MC) dianggap tidak aktif sekiranya tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) melebihi 3 tahun berturut-turut.

Kegagalan menguruskan skim strata bukan sahaja menjejaskan nilai hartanah anda, malah mengundang risiko keselamatan dan kemerosotan fasiliti bersama.

Kami menjemput wakil pemilik (sekurang-kurangnya dua (2) hingga tiga (3) orang yang komited) bagi tujuan:

Pemberian Kuasa atau kebenaran rasmi di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) untuk memanggil satu Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) untuk perantaraan Ahli Jawatankuasa baru.

Setiap wakil pemilik hendaklah mengemukakan:

- i. Salinan hak milik strata;
- ii. Salinan resit bayaran caj penyenggaraan dan caruman kepada akaun wang penjelas (*sinking fund*) yang terkini; dan
- iii. Nombor yang boleh dihubungi.

Sebarang pertanyaan berkaitan program ini boleh hubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP di talian 04-5497789/787 atau emel ke cob@mbasp.gov.my

5. SELAMAT MENYAMBUUT HARI RAYA AIDILFITRI

Alhamdulillah, setelah hampir sebulan kita menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan yang penuh keberkatan, kini tibalah saat yang dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Oleh itu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1447H kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai yang beragama Islam.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada barisan Ahli Majlis serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

yang sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan kepada rakyat terus berjalan dengan baik, khususnya dalam menyediakan persekitaran bandar yang bersih, selamat dan selesa untuk dinikmati oleh semua.

Dalam kita meraikan Aidilfitri, marilah kita sama-sama terus memupuk nilai kasih sayang, toleransi serta semangat muhibah agar kesejahteraan dan kemakmuran bandar yang kita cintai ini dapat terus dipelihara.

Akhir kata, saya dan seluruh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang menyambutnya.

Selamat bercuti dan berhati-hati di jalan raya semasa musim perayaan ini. Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.